

MAHATHIR 2 '97

1977

KUALA LUMPUR, 5 MAC. (BERNAMA)-KERAJAAN BERHAJAT MENYEMAK SEMULA BAYARAN PENCEN BAGI PARA PESARA, TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI.

KATANYA, SEMAKAN SEMULA DIBUAT SUPAYA BAYARAN YANG DITERIMA OLEH PARA PESERTA TIDAK KETINGGALAN AKIBAT PELAKSANAAN LAPORAN GAJI JAWATANKUASA KABINET KELAK.

BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN BEKAS-BEKAS POLIS MALAYSIA DI SINI, DR. MAHATHIR BERKATA WALAUPUN SOAL BAYARAN SARA TIDAK TERKANDUNG DALAM BIDANG KAJIAN LAPORAN GAJI ITU, NAMUN KERAJAAN MEMANG SEDIA MEMBUAT SEMAKAN SEMULA MENGENAI BAYARAN PESARA.

DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN SEBAGAI MENJAWAB PERMINTAAN PRESIDEN PERSATUAN RAJA ADNAN BIN RAJA ABDULLAH SUPAYA PERTIMBANGAN DIBERI DALAM PEMBAYARAN PENCEN BAGI BEKAS-BEKAS POLIS DI NEGARA INI.
-BERSAMBUNG HM 1244

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

RAJA ADNAN DALAM UCAPANNYA TELAH MENYEBUT BERBAGAI KESULITAN YANG DIHADAPI OLEH PERSATUAN ITU DALAM USAHA MENJALANKAN PROJEK PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN SERTA MENGHARAPKAN BANTUAN TERTENTU DIBERI OLEH KERAJAAN.

DR. MAHATHIR BERKATA, SOAL MEMPERTAHKAN KESELAMATAN NEGARA ADALAH KEWAJIPAN SETIAP RAKYAT DAN IANYA TIDAK BOLEH DIUKUR DARI BAYARAN ATAU UPAHAN YANG DITERIMA.

KATANYA, BAYARAN SAGUHATI SEBANYAK \$10,000 KEPADA SEORANG POLIS YANG TERKORBAN KERANA MEMPERTAHKAN NEGARA TIDAK BOLEH DIANGGAP SEBAGAI BAYARAN GANTIRUGI KE ATAS PERKORBANAN NYAWA MEREKA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENYEBUT ADANYA PIHAK TERTENTU YANG BERTUJUAN MELEMAHKAN SEMANGAT PERJUANGAN ANGGOTA PERTAHANAN NEGARA DENGAN MENGATAKAN BAYARAN \$10,000 ADALAH TIDAK MENCUKUPI BAGI MENGGANTI NYAWA YANG TERKORBAN. -- BERSAMBUNG 1401/LK

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

BELIAU MENAGASKAN, SOAL MEMPERTAHKAN KESELAMATAN NEGARA MERUPAKAN SOAL BERSAMA DAN IANYA PATUT LAHIR DARI KASIH SAYANG KEPADA BANGSA DAN NEGARA.

DR. MAHATHIR BERKATA NEGARA SEDANG MENGHADAPI DUA SOALAN YANG BESAR IAITU UNTUK MENCAPAI KEMAJUAN YANG PESAT DALAM BIDANG EKONOMI DAN SOAL KEAMANAN.

KEDUA-DUA SOALAN INI ADALAH SALING BERGANTUNGAN DAN MENYEBABKAN MUSTAHAK DIBERI SEGALA PERHATIAN TERHADAPNYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI JUGA MENYERU KERAJAAN NEGERI DAN BADAN -BADAN BERKANUN YANG TERLIBAT DALAM KEGIATAN PERTANIAN SUPAYA MEMBERI BANTUAN KEPADA PARA BEKAS POLIS YANG MEMANG BERMINAT DALAM KERJA PERTANIAN.

BANTUAN DAN KEMUDAHAN YANG DIBERIKAN ITU AKAN MENOLONG MEREKA MENCAPAI KEJAYAAN DALAM BIDANG ITU DEMI MENINGGIKAN TARAF HIDUP MEREKA.

BELIAU JUGA MENYERU PARA BEKAS POLIS SUPAYA MEMBERI SUMBANGAN MEREKA DENGAN MEMBINBING RAKYAT DI SEKELILING MEREKA UNTUK MENJAGA KESELAMATAN DI KAWASAN MASING-MASING. -- BERSAMBUNG 1402/YF

102